

Penyata Kewangan pada
31 Disember, 2002 berserta dengan
Laporan Para Pengarah dan Juruaudit

Penyata kewangan

Laporan Para Pengarah	62 - 65
Penyata Para Pengarah	66
Akan Berkanun	66
Laporan Juruaudit	67 - 68
Penyata Pendapatan	69
Lembaran Imbangan	70 - 71
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan	72
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	73
Penyata Aliran Tunai	74 - 75
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	76 - 95

LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2002.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan.

Kegiatan utama subsidiari ialah memberikan perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak.

Tiada sebarang perubahan penting berlaku dalam kegiatan-kegiatan utama ini di sepanjang tahun kewangan.

HASIL

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	73,369,963	48,268,908

Tiada sebarang pergerakan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan di penyata perubahan dalam ekuiti.

Para pengarah berpendapat bahawa hasil operasi Kumpulan dan Syarikat di sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas secara ketara oleh sebarang butiran, urusniaga atau peristiwa yang bersifat penting dan luarbiasa.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember, 2001 adalah seperti berikut :

	RM
Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2001 seperti yang dilaporkan di dalam laporan para pengarah tahun tersebut:	
Dividen akhir 10% ke atas 400,000,000 saham biasa terdiri daripada 4% dividen dikecualikan cukai and 6% dividen ditolak cukai pada 28%, dibayar pada 31 Mei, 2002	33,280,000
Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2002:	
Dividen interim 15% ke atas 400,000,000 saham biasa ditolak cukai pada 28%, dibayar pada 15 Februari, 2003	43,200,000

LAPORAN PARA PENGARAH

PENGARAH-PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas adalah seperti berikut:

Datuk Mohamed Adnan Bin Ali (Pengerusi)
Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx Bin Pengiran Mahran (Pengarah Urusan)
Tan Sri Dato' Dr. Samsudin Bin Hitam
Dato' Haji Mohd Ali Bin Haji Yasin
Abdul Rahim Bin Mokti
Subkey Bin Abdul Wahab

Menurut Tataurusian Syarikat, Tan Sri Dato' Dr. Samsudin Bin Hitam dan Datuk Mohamed Adnan Bin Ali bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, Syarikat tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam emolumen agregat yang telah diterima atau akan dan patut diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan di Nota 7 kepada penyata kewangan atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham para pengarah, pengarah-pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat di sepanjang tahun kewangan ini adalah seperti berikut :

	Bilangan Saham Biasa RM1 Setiap Satu			31 Disember, 2002
	1 Januari, 2002	Beli	Jual	
Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx Bin Pengiran Mahran	2,140,000	-	-	2,140,000
Datuk Mohamed Adnan Bin Ali	5,000	-	-	5,000

Tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan ini mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham-saham Syarikat atau syarikat-syarikat perbadanan berkaitannya di sepanjang tahun kewangan.

LAPORAN PARA PENGARAH

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbalan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa :
 - (i) tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan dalam urusan perniagaan biasa seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan telah diturunkan nilainya kepada hasil laku yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan selain dari apa yang telah dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang boleh menyebabkan:
 - (i) jumlah yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau jumlah bagi peruntukan hutang ragu tidak mencukupi dengan ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah wujud yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan atau Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud :
 - (i) sebarang tindihmilik ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

LAPORAN PARA PENGARAH

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (Samb'g)

(f) Para pengarah berpendapat:

- (i) tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah berkuatkuasa atau berkemungkinan sebegitu dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau boleh memberi kesan yang penting terhadap keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya; dan
- (ii) tiada sebarang butiran, urusaniaga atau peristiwa yang bersifat penting dan luarbiasa telah timbul di dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang akan memberi kesan penting ke atas hasil operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan laporan ini disediakan.

JURUAUDIT

Juruaudit Syarikat, Arthur Andersen & Co. bersara dan tidak berhasrat untuk dilantik semula. Resolusi untuk melantik PricewaterhouseCoopers akan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah
selaras dengan resolusi para pengarah



DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI



CAPT. AWANGKU ABDUL MALIT @ AWANGKU
MALYX BIN PENGIRAN MAHRAN

Kuching, Malaysia
13 Mac, 2003

PENYATA PARA PENGARAH

MENGIKUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI dan CAPT. AWANGKU ABDUL MALIT @ AWANGKU MALYX BIN PENGIRAN MAHRAN, dua daripada para pengarah BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 69 hingga 95 telah disediakan dengan mematuhi piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember, 2002 dan hasil operasi serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah
selaras dengan resolusi para pengarah

DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI

CAPT. AWANGKU ABDUL MALIT @ AWANGKU
MALYX BIN PENGIRAN MAHRAN

Kuching, Malaysia
13 Mac, 2003

AKUAN BERKANUN

MENGIKUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, RAMBLI BIN MASHAR, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 69 hingga 95, adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh RAMBLI BIN MASHAR yang tersebut
di atas di Kuching dalam Negeri Sarawak
pada 13 Mac, 2003.

)
)
)
)
)
RAMBLI BIN MASHAR

Di hadapan saya :

Commissioner for Oaths
No. 9 & 10, (1st Floor),
Hock Koi Commercial Centre,
Jln. Tun Ahmad Zaidi Adruce,
93150 Kuching, Sarawak



LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA AHLI-AHLI BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD (Diperbadankan di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 69 hingga 95. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami telah melaksanakan audit mengikut Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian munasabah mengenai samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti menyokong jumlah dan pernyataan dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami memberi asas munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami :

- (a) penyata kewangan telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai :
 - (i) keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember, 2002 dan hasil mereka serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambil kira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA AHLI-AHLI BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD (Diperbadankan di Malaysia) (Samb'g)

Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi subsidiari seperti dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan, di mana penyata kewangan tersebut telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan.

Kami berpuashati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan subsidiari tersebut tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tiada sebarang teguran perlu dibuat di bawah Seksyen 174 (3) Akta tersebut.



Arthur Andersen & Co.
No. AF 0103
Akauntan Bertauliah



Chin Mui Khiong Peter
No. 1881/03/04 (J)
Rakan Firma

Kuching, Malaysia
13 Mac, 2003

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2002

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Pendapatan	3	273,332,395	279,531,590	60,450,000	120,900,000
Lain-lain pendapatan operasi	4	15,355,263	13,292,753	8,001,138	5,529,949
Kos kakitangan	5	288,687,658	292,824,343	68,451,138	126,429,949
Pelunasan muhibah		(45,068,364)	(45,904,970)	(185,281)	(146,605)
Sewa khas bot tunda		(981,224)	(981,224)	-	-
Susutnilai		(5,167,149)	(5,183,920)	-	-
Pengorekan		(21,070,711)	(22,583,807)	-	-
Bahan api, elektrik dan belanja utiliti		(7,446,567)	(8,248,455)	-	-
Sewa pajak kemudahan pelabuhan		(6,810,242)	(5,439,335)	(6,244)	-
Pembaikan dan penyelenggaraan		(65,604,071)	(61,406,070)	-	-
Pemunggalan		(10,204,991)	(9,643,683)	(2,782)	(2,038)
Lain-lain belanja operasi	6	(4,218,006)	(6,028,277)	-	-
Keuntungan sebelum cukai		(18,697,687)	(9,426,213)	(785,240)	(668,005)
Cukai	8				
		103,418,646	117,978,389	67,471,591	125,613,301
		(30,048,683)	(34,269,000)	(19,202,683)	(30,819,000)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		73,369,963	83,709,389	48,268,908	94,794,301
Pendapatan Sesaham (sen)					
Asas	9	18.34	22.14		

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER, 2002

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
ASET TAK SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	11	315,134,795	289,241,584	-	-
Pelaburan dalam subsidiari	12	-	-	299,999,998	299,999,998
Muhibah dari pembelian	13	14,718,357	15,699,581	-	-
		<u>329,853,152</u>	<u>304,941,165</u>	<u>299,999,998</u>	<u>299,999,998</u>
ASET SEMASA					
Perbelanjaan pembangunan hartanah	14	11,309,586	14,987,586	-	-
Penghutang perdagangan	15	13,644,523	16,379,620	-	-
Lain-lain penghutang	16	51,250,690	38,613,054	4,257,429	2,953,556
Sekuriti bolehniaga	17	33,630,682	50,081,078	-	-
Dividen belum terima dari subsidiari		-	-	43,524,000	62,582,000
Wang tunai dan baki di bank	18	438,711,825	413,706,888	241,247,951	215,638,062
		<u>548,547,306</u>	<u>533,768,226</u>	<u>289,029,380</u>	<u>281,173,618</u>
LIABILITI SEMASA					
Lain-lain pemiutang	19	18,752,773	12,484,774	770,016	7,560,012
Cukai		7,583,995	16,470,727	-	343,150
Dividen belum bayar		43,200,000	-	43,200,000	-
Dividen dicadangkan		-	33,280,000	-	33,280,000
		<u>69,536,768</u>	<u>62,235,501</u>	<u>43,970,016</u>	<u>41,183,162</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>479,010,538</u>	<u>471,532,725</u>	<u>245,059,364</u>	<u>239,990,456</u>
		<u>808,863,690</u>	<u>776,473,890</u>	<u>545,059,362</u>	<u>539,990,454</u>

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER, 2002 (Samb'g)

	Nota	2002 RM	Kumpulan 2001 RM	2002 RM	Syarikat 2001 RM
DIBIYAI OLEH:					
Modal Saham	20	400,000,001	400,000,001	400,000,001	400,000,001
Rizab		383,545,424	353,375,461	145,059,361	139,990,453
Ekuiti pemegang saham		783,545,425	753,375,462	545,059,362	539,990,454
Manfaat persaraan	21	17,313,265	14,381,428	-	-
Cukai tertunda	22	8,005,000	8,717,000	-	-
Liabiliti tak semasa		25,318,265	23,098,428	-	-
		808,863,690	776,473,890	545,059,362	539,990,454

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUTI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2002

	Modal saham RM	Tidak <-boleh diagih-> Premium saham RM	<-Boleh diagih-> Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari, 2001	2	-	224,396,278	224,396,280
Terbitan satu saham keutamaan bolehtebus istimewa	1	-	-	1
Terbitan saham biasa sebagai balasan pengambilalihan subsidiari	299,999,998	-	-	299,999,998
Terbitan awam	100,000,000	104,110,150	-	204,110,150
Belanja terbitan awam	-	(11,160,356)	-	(11,160,356)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	83,709,389	83,709,389
Dividen (Nota 10)	-	-	(47,680,000)	(47,680,000)
Pada 31 Disember, 2001	400,000,001	92,949,794	260,425,667	753,375,462
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	73,369,963	73,369,963
Dividen (Nota 10)	-	-	(43,200,000)	(43,200,000)
Pada 31 Disember, 2002	400,000,001	92,949,794	290,595,630	783,545,425

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUTI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2002

		Tidak <-boleh diagih ->	Boleh diagih Keuntungan terkumpul (Nota 23)	
	Modal saham RM	Premium saham RM	RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari, 2001	2	-	(73,642)	(73,640)
Terbitan satu saham keutamaan bolehtebus istimewa	1	-	-	1
Terbitan saham biasa sebagai balasan pengambilalihan subsidiari	299,999,998	-	-	299,999,998
Terbitan awam	100,000,000	104,110,150	-	204,110,150
Belanja terbitan awam	-	(11,160,356)	-	(11,160,356)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	94,794,301	94,794,301
Dividen (Nota 10)	-	-	(47,680,000)	(47,680,000)
Pada 31 Disember, 2001	400,000,001	92,949,794	47,040,659	539,990,454
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	48,268,908	48,268,908
Dividen (Nota 10)	-	-	(43,200,000)	(43,200,000)
Pada 31 Disember, 2002	400,000,001	92,949,794	52,109,567	545,059,362

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2002

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai	103,418,646	117,978,389	67,471,591	125,613,301
Pelarasan untuk:				
Peruntukan hutang ragu	73,048	-	-	-
Peruntukan kerugian dijangka dari perbelanjaan pembangunan hartanah	4,000,000	-	-	-
Peruntukan manfaat persaraan	3,091,419	2,664,916	-	-
Susutnilai	21,070,711	22,583,807	-	-
Pelunasan muhibah	981,224	981,224	-	-
Amaun sekuriti bolehniaga yang dikurang nilai/ (disemak semula)	3,029,350	(6,055,312)	-	-
(Keuntungan)/kerugian atas penjualan sekuriti bolehniaga	(1,904,450)	2,907,469	-	-
Pendapatan faedah	(13,511,672)	(11,725,091)	(7,992,916)	(5,529,949)
Pendapatan dividen	(1,359,134)	(1,358,714)	(60,450,000)	(120,900,000)
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	118,889,142	127,976,688	(971,325)	(816,648)
Tambahan dalam perbelanjaan pembangunan hartanah	(322,000)	(1,613,750)	-	-
Tambahan dalam penghutang	(9,016,202)	(5,832,199)	(344,488)	(2,953,556)
Manfaat persaraan dibayar	(159,582)	(275,914)	-	-
Tambahan/(kurangan) dalam pemiutang	6,267,998	(33,027,153)	(6,789,996)	5,557,906
Tunai dihasilkan daripada / (digunakan dalam) operasi Cukai dibayar	115,659,356 (40,416,030)	87,227,672 (28,677,036)	(8,105,809) (3,579,218)	1,787,702 (1,173,850)
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) aktiviti operasi	75,243,326	58,550,636	(11,685,027)	613,852

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2002 (Samb'g)

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian sekuriti bolehniaga	(30,127,897)	(28,147,826)	-	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(46,963,922)	(9,942,190)	-	-
Faedah diterima	13,511,672	11,725,091	7,992,916	5,529,949
Kutipan daripada penjualan sekuriti bolehniaga	45,453,393	28,476,258	-	-
Dividen bersih diterima	1,168,365	1,192,297	62,582,000	29,016,000
Tunai bersih (digunakan dalam) / dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	(16,958,389)	3,303,630	70,574,916	34,545,949
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Dividen dibayar	(33,280,000)	(114,400,000)	(33,280,000)	(14,400,000)
Kutipan daripada terbitan saham keutamaan bolehtebus istimewa	-	1	-	1
Kutipan daripada terbitan saham awam	-	204,110,150	-	204,110,150
Belanja penyenaraian dibayar	-	(9,232,789)	-	(9,232,789)
Tunai bersih (digunakan dalam) / dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	(33,280,000)	80,477,362	(33,280,000)	180,477,362
TAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI	25,004,937	142,331,628	25,609,889	215,637,163
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	413,706,888	271,375,260	215,638,062	899
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN (Nota 18)	438,711,825	413,706,888	241,247,951	215,638,062

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER, 2002

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama subsidiari ialah memberikan perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak. Tiada sebarang perubahan penting berlaku dalam kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Lot 15, Block 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97008 Bintulu, Sarawak.

Badan induk dan induk muftamad bagi Syarikat ialah Menteri Kewangan (Diperbadankan), sebuah badan yang ditubuhkan di Malaysia.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan pada akhir tahun kewangan adalah seramai 776 (2001 : 747) orang. Syarikat tidak mempunyai kakitangan tetap memandangkan semua urusan operasi dan pentadbiran dikendalikan oleh pegawai-pegawai subsidiari.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 13 Mac, 2003.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan sebaliknya ditunjuk di dalam dasar perakaunan di bawah. Penyata kewangan ini mematuhi peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan subsidiarinya. Subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap dasar-dasar kewangan dan operasi supaya memperoleh manfaat daripada aktiviti syarikat tersebut.

Syarikat subsidiari telah disatukan menggunakan kaedah perakaunan penggabungan dimana kos pelaburan dalam buku Syarikat direkod pada nilai nominal saham yang diterbitkan dan perbezaan di antara nilai bawa pelaburan dan nilai nominal saham yang diambil alih dianggap sebagai rizab penggabungan atau defisit penggabungan. Hasil syarikat yang disatukan diambil kira seolah-olah penggabungan tersebut telah berlaku sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Urusniaga di antara kumpulan, baki dan hasil laba belum direalisasi yang diperolehi adalah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan yang disatukan hanya mencerminkan urusniaga luaran sahaja. Rugi laba belum direalisasikan adalah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat diperolehi semula.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'g)

(c) Muhibah Dari Pembelian

Muhibah dari pembelian merupakan lebihan kos yang dibayar oleh subsidiari untuk pembelian perniagaan daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu ke atas nilai aset bersih yang diambil alih berdasarkan Perjanjian Penswastaaan di antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan subsidiari Kumpulan.

Muhibah dari pembelian dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Dasar perakaunan berkaitan pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan pada Nota 2(k).

Muhibah dari pembelian dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya selama dua puluh lima tahun.

(d) Pelaburan dalam Subsidiari

Pelaburan Syarikat dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar perakaunan berkaitan pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan pada Nota 2(k).

Semasa penjualan pelaburan berkenaan, perbezaan antara kutipan jualan bersih dan amaun dibawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Dasar perakaunan berkaitan pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan pada Nota 2(k).

Kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilai. Susutnilai bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaannya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan & struktur pelabuhan	22 hingga 25 tahun
Jentera & peralatan	10% - 14.3%
Kenderaan bermotor	14.3%
Perabot, kelengkapan & peralatan pejabat	10% - 13%
Kapal	6% - 13%

Semasa penjualan hartanah, loji dan peralatan, perbezaan antara kutipan jualan bersih dan amaun dibawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'g)

(f) Perbelanjaan Pembangunan Hartanah

Tanah dan perbelanjaan pembangunan dikelaskan sebagai perbelanjaan pembangunan hartanah apabila sebahagian besar kerja pembangunan telah dilaksanakan dan dijangka siap dalam masa kitaran kendalian biasa. Perbelanjaan pembangunan hartanah dinyatakan pada kos dicampur keuntungan yang boleh diagihkan setelah ditolak kerugian dijangka dan bil-bil kemajuan. Kos termasuk kos tanah, kos langsung bangunan, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan yang berkaitan.

(g) Tunai dan Bersamaan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(h) Cukai Tertunda

Belanja cukai tahun semasa adalah berdasarkan keuntungan tahun semasa, diselaraskan untuk tujuan pencukaian, berserta dengan caj atau kredit untuk cukai tertunda.

Cukai tertunda diperuntukan menurut kaedah tanggungan bagi semua perbezaan masa yang penting kecuali jika didapati bukti yang munasabah bahawa perbezaan masa ini tidak akan berbalik pada masa hadapan. Manfaat cukai tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada jangka masa depan yang terdekat.

(i) Manfaat Persaraan

Kumpulan telah menubuhkan satu pelan Skim Manfaat Persaraan tanpa dana (unfunded) untuk kakitangannya. Manfaat yang dibayar adalah berdasarkan gaji terakhir diterima oleh kakitangan dan tempoh perkhidmatan dengan Kumpulan.

Peruntukan dalam lembaran imbalan Kumpulan bagi kos untuk manfaat persaraan di bawah Skim ini dibuat berdasarkan penilaian aktuari setiap tiga tahun dengan menggunakan Kaedah Jangkaan Kredit Unit. Di bawah kaedah ini, kos penyediaan manfaat persaraan dicaj kepada penyata pendapatan secara sistematik untuk membahagi kos manfaat ke atas tempoh perkhidmatan setiap kakitangan Kumpulan. Tanggungan ini diukur pada nilai semasa anggaran aliran tunai keluar hadapan dengan menggunakan pulangan pada tarikh lembaran imbalan bagi sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang menghampiri terma tanggungan Kumpulan.

Keuntungan dan kerugian aktuarial wujud dari perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan di antara andaian aktuari dan apa yang telah berlaku. Keuntungan dan kerugian tersebut dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan secara purata sepanjang jangkaan baki tempoh perkhidmatan kakitangan yang turut serta dalam pelan ini.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'g)

(j) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila wujud kemungkinan yang manfaat ekonomi berkaitan dengan urusaniaga disalurkan kepada syarikat dan jumlah pendapatan itu boleh diukurkan dengan munasabah.

(i) Pendapatan Dari Operasi Pelabuhan

Pendapatan dari operasi pelabuhan diiktiraf setelah ditolak rebet berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(ii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf mengikut dasar pembahagian masa, yang menunjukkan pulangan efektif aset tersebut.

(iii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

(k) Rosotnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan mengkaji amaun dibawa aset, selain aset yang diperolehi dari perbelanjaan projek pembangunan, aset cukai tertunda dan aset yang diperolehi dari manfaat kakitangan dan juga aset kewangan, untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petanda kemerosotan nilai. Sekiranya terdapat sebarang petanda, rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai aset dibawa dengan amaun yang boleh terima. Amaun boleh terima adalah harga jualan bersih dan nilai yang digunapakai yang mana lebih tinggi, diukur merujuk kepada aliran tunai hadapan didiskaunkan. Amaun boleh terima dianggar bagi setiap aset atau jika tidak boleh, dianggar bagi unit penghasilan-tunai.

Kerugian rosotnilai dicaj kepada penyata pendapatan serta-merta. Balikan kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi tahun sebelumnya direkod sekiranya ada petanda bahawa kerugian rosotnilai diambil kira bagi aset tidak wujud lagi atau telah berkurangan. Balikan diiktiraf sehingga tahap amaun dibawa aset tersebut dikenalpasti (tolak pelunasan dan susutnilai) jika tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Balikan diiktiraf dalam penyata pendapatan serta-merta.

(l) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diambil kira dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan telah menjadi pihak kepada kontrak instrumen tersebut.

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Samb'g)

(I) Instrumen Kewangan (Samb'g)

Instrumen kewangan adalah dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut peruntukan dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen, laba dan kerugian berkenaan dengan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai belanja atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti dikenakan terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan akan diofset apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang untuk kontra dan berniat untuk menyelesaikannya sama ada secara asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan melangsaikan liabiliti dengan serentak.

(i) Sekuriti Bolehniaga

Sekuriti bolehniaga dibawa pada harga terendah antara kos dan nilai pasaran, yang ditentukan atas asas agregat. Kos ditentukan atas asas purata wajar sementara nilai pasaran ditentukan berdasarkan nilai pasaran yang dicatatkan. Peningkatan atau pengurangan dalam nilai bawa sekuriti bolehniaga dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan. Semasa penjualan sekuriti bolehniaga, perbezaan antara kutipan jualan bersih dan amaun dibawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

(ii) Penghutang Perdagangan

Penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada kajian ke atas kesemua amaun tertunggak pada tarikh lembaran imbalan.

(iii) Pemiutang Perdagangan

Pemiutang perdagangan dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama bagi pembelian yang akan dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima pada masa akan datang.

(iv) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa diiktiraf dalam bentuk ekuiti dalam tempoh ia diisytiharkan.

3. PENDAPATAN

Pendapatan Kumpulan termasuk hasil kendalian daripada perkhidmatan pelabuhan.

Pendapatan Syarikat adalah pendapatan dividen diterima daripada subsidiarinya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER, 2002

4. LAIN-LAIN PENDAPATAN OPERASI

Termasuk dalam lain-lain pendapatan operasi adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan dalam sekuriti bolehniaga yang disebut harga di Malaysia	1,359,134	1,358,714	-	-
Pendapatan faedah	13,511,672	11,725,091	7,992,916	5,529,949
Pendapatan sewa	124,850	60,260	-	-

5. KOS KAKITANGAN

Termasuk dalam kos kakitangan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Manfaat persaraan	3,091,419	2,664,916	-	-
Ganjaran pengarah eksekutif (Nota 7)	388,117	383,867	81,500	88,000

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER, 2002

6. LAIN-LAIN PERBELANJAAN OPERASI

Termasuk dalam perbelanjaan operasi adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Ganjaran pengarah bukan eksekutif (Nota 7)	223,500	373,416	157,500	217,481
Ganjaran juruaudit				
Audit berkanun	58,000	55,000	30,000	30,000
Lain-lain perkhidmatan	56,000	30,800	4,000	-
Sewa peralatan	156,754	593,391	62,840	-
Sewa kenderaan	-	-	81,900	-
Sewa pejabat	-	-	43,050	-
(Keuntungan)/kerugian atas penjualan sekuriti bolehniaga	(1,904,450)	2,907,469	-	-
Amaun sekuriti bolehniaga yang dikurang nilai/ (disemak semula)	3,029,350	(6,055,312)	-	-
Peruntukan hutang ragu	73,048	-	-	-
Peruntukan kerugian dijangka dari perbelanjaan pembangunan hartanah	4,000,000	-	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER, 2002

7. GANJARAN PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Pengarah Syarikat				
Eksekutif:				
Gaji dan lain-lain emolumen	327,117	304,337	60,000	65,000
Yuran				
- Tahun semasa	36,000	42,000	18,000	18,000
- Kurangan peruntukan bagi tahun lepas	-	1,500	-	1,500
Bonus	17,500	31,030	-	-
Lain-lain ganjaran	7,500	5,000	3,500	3,500
Manfaat seumpamanya	8,800	8,800	-	-
	<u>396,917</u>	<u>392,667</u>	<u>81,500</u>	<u>88,000</u>
Bukan eksekutif				
Yuran				
- Tahun semasa	174,000	195,781	132,000	123,781
- Kurangan peruntukan bagi tahun lepas	-	75,300	-	75,300
Lain-lain ganjaran	29,500	19,900	25,500	18,400
	<u>203,500</u>	<u>290,981</u>	<u>157,500</u>	<u>217,481</u>
Lain-lain pengarah				
Bukan eksekutif				
Yuran	18,000	77,935	-	-
Lain-lain ganjaran	2,000	4,500	-	-
	<u>20,000</u>	<u>82,435</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Jumlah	<u>620,417</u>	<u>766,083</u>	<u>239,000</u>	<u>305,481</u>
Analisa tidak termasuk manfaat seumpamanya:				
Jumlah ganjaran pengarah eksekutif tidak termasuk manfaat seumpamanya (Nota 5)	388,117	383,867	81,500	88,000
Jumlah ganjaran pengarah bukan eksekutif tidak termasuk manfaat seumpamanya (Nota 6)	223,500	373,416	157,500	217,481
Jumlah ganjaran pengarah tidak termasuk manfaat seumpamanya	<u>611,617</u>	<u>757,283</u>	<u>239,000</u>	<u>305,481</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER, 2002

7. GANJARAN PENGARAH (Samb'g)

Bilangan para pengarah Syarikat yang termasuk dalam julat ganjaran berikut sepanjang tahun adalah seperti di bawah:

	Bilangan Pengarah	
	2002	2001
Pengarah Eksekutif:		
RM350,001 - RM400,000	1	1
Pengarah Bukan Eksekutif:		
Kurang daripada RM50,000	3	5
RM50,001 - RM100,000	2	1
RM100,001 - RM150,000	-	1

8. PENCUKAIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Belanja cukai tahun semasa	30,758,000	34,386,000	19,200,000	30,819,000
Pindahan daripada cukai tertunda (Nota 22)	(712,000)	(117,000)	-	-
	<u>30,046,000</u>	<u>34,269,000</u>	<u>19,200,000</u>	<u>30,819,000</u>
Belanja cukai tahun sebelumnya	2,683	-	2,683	-
	<u>30,048,683</u>	<u>34,269,000</u>	<u>19,202,683</u>	<u>30,819,000</u>

Kadar efektif cukai Kumpulan adalah tinggi daripada kadar cukai berkanun kerana terdapat perbelanjaan tertentu yang tidak dibenarkan untuk ditolak bagi tujuan cukai.

9. PENDAPATAN SESAHAM

Pendapatan asas sesaham Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham dengan bilangan purata saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Keuntungan bersih tahun semasa	73,369,963	83,709,389
Purata wajaran bilangan saham biasa yang diterbitkan	400,000,000	378,082,192
Pendapatan asas sesaham (sen)	<u>18.34</u>	<u>22.14</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER, 2002

10. DIVIDEN

	Jumlah		Dividen Bersih Sesaham	
	2002 RM	2001 RM	2002 Sen	2001 Sen
Dividen interim 15% ditolak cukai pada 28% (2001: 5% ditolak cukai pada 28%)	43,200,000	14,400,000	10.8	3.6
Dividen terakhir 10% terdiri daripada:				
(a) 4% dikecualikan cukai	-	33,280,000	-	8.3
(b) 6% ditolak cukai pada 28%	-	-	-	-
	<u>43,200,000</u>	<u>47,680,000</u>	<u>10.8</u>	<u>11.9</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER, 2002

11. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN

Kumpulan	Kos	Bangunan & struktur pelabuhan RM	Jentera & peralatan RM	Kenderaan bermotor RM	Perabot, Kelengkapan & peralatan pejabat RM	Kapal peraktanaan RM	Kerja dalam RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari, 2002		229,797,276	89,045,204	4,336,075	12,143,619	39,903,058	10,712,073	385,937,305
Tambahan		-	39,544	-	334,147	-	46,590,231	46,963,922
Pindahan		-	-	-	-	25,970,800	(25,970,800)	-
Pada 31 Disember, 2002		229,797,276	89,084,748	4,336,075	12,477,766	65,873,858	31,331,504	432,901,227
Susutnilai Berkumpul								
Pada 1 Januari, 2002		28,245,268	32,695,107	3,271,297	6,638,939	25,845,110	-	96,695,721
Dikenakan pada tahun		9,603,779	8,739,019	271,075	1,024,737	1,432,101	-	21,070,711
Pada 31 Disember, 2002		37,849,047	41,434,126	3,542,372	7,663,676	27,277,211	-	117,766,432
Nilai Buku Bersih								
Pada 31 Disember, 2002		191,948,229	47,650,622	793,703	4,814,090	38,596,647	31,331,504	315,134,795
Pada 31 Disember, 2001		201,552,008	56,350,097	1,064,778	5,504,680	14,057,948	10,712,073	289,241,584
Susutnilai dikenakan pada tahun 2001								
		9,437,191	8,993,567	314,860	1,080,620	2,757,569	-	22,583,807

Bangunan dan struktur pelabuhan bagi Kumpulan terletak di atas tanah yang dipajak daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu. Pajak tanah ini akan tamat pada tahun 2022.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER, 2002

12. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2002 RM	2001 RM
Saham tidak disebut harga di Malaysia, pada kos	299,999,998	299,999,998

(a) Butiran subsidiari adalah seperti berikut :

Nama Syarikat	Negara Diperbadankan	Kepentingan Pegangan Ekuiti (%)		Kegiatan Utama
		2002	2001	
Bintulu Port Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Memberi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak.

13. PEMBELIAN MUHIBAH

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Pada kos	24,530,596	24,530,596
Tolak : Pelunasan terkumpul	(9,812,239)	(8,831,015)
	14,718,357	15,699,581

